

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XVII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

1. Statistik Pesakit COVID-19 di Pulau Pinang:
  - (a) Sehingga 31 Mac 2020, berapakah bilangan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19? Perincikan mengikut umur/gender/bangsa.
  - (b) Daripada jumlah itu, berapa jumlah meninggal, masih dikuarantin dan telah sembuh?
  - (c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan selain Perintah Kawalan Pergerakan dan apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk mengekang penularan wabak ini?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperoleh bagi tujuan membendung penularan wabak ini.
  - (a) Bilangan pesakit yang dijangkiti COVID-19 di Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Mac 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Jumlah pesakit yang meninggal, masih dikuarantin dan telah sembuh adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (c) Langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan arahan dan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Langkah pencegahan yang dijalankan mengambil kira *evidence based* dan juga *best practice*. Semua pasar raya, pasar awam turut menjalankan penjarakan sosial semasa beratur dan

senantiasa dipantau oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Hebahan mengenai langkah pencegahan oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan juga JKNPP (Cawangan Promosi Kesihatan) dijalankan setiap hari di tempat awam dan juga melalui pelbagai media sebagai salah satu langkah proaktif yang diambil bagi membendung penularan wabak ini

Kerajaan Negeri juga turut membekalkan cecair pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), penutup muka (*face mask*), *thermometer* dan sarung tangan kepada rakyat di negeri ini sebagai langkah proaktif pencegahan di semua peringkat.

**LAMPIRAN A****JUMLAH PESAKIT POSITIF COVID-19  
MENGIKUT UMUR DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>UMUR</b>	<b>JUMLAH</b>
1	< 9 TAHUN	3
2	10 – 19 TAHUN	8
3	20 – 29 TAHUN	21
4	30 – 39 TAHUN	15
5	40 – 49 TAHUN	15
6	50 – 59 TAHUN	17
7	60 – 69 TAHUN	9
8	> 70 TAHUN	6
<b>JUMLAH</b>		<b>94</b>

**JUMLAH PESAKIT POSITIF COVID-19  
MENGIKUT JANTINA DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>JANTINA</b>	<b>JUMLAH</b>
1	LELAKI	67
2	PEREMPUAN	27
<b>JUMLAH</b>		<b>94</b>

**LAMPIRAN B**

<b>DAERAH</b>	<b>BIL. KES</b>	<b>BIL. DISCAJ</b>	<b>BIL. MENINGGAL</b>
<b>TIMUR LAUT</b>	26	15	0
<b>BARAT DAYA</b>	9	7	0
<b>SEBERANG PERAI UTARA</b>	16	10	0
<b>SEBERANG PERAI TENGAH</b>	33	19	1
<b>SEBERANG PERAI SELATAN</b>	10	7	0
<b>JUMLAH</b>	<b>94</b>	<b>58</b>	<b>1</b>